



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA TERBUKA

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut:-

Bil.	No. Sebut Harga/ Nama Projek	Kod Bidang	Tarikh, Tempat & Masa Tutup	Syarat Utama Pelawaan
1.	JPBD(S)/J1/151/20 PERKHIDMATAN BEKALAN MAKAN DAN MINUM BAGI PENGANJURAN JOHOR SMART CITY FORUM (JSCF) 2026 FASA 2.	040102 / 040103	17 Ogos 2026 (Isnin) Jam 12.00 tengah hari Aras 1, Bangunan Dato' Mohammad Salleh Perang, 79646 Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan; 2. Tempoh pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF) 3. Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan hendaklah masih sah <u>sekurang-kurangnya tiga (3) bulan</u> daripada tarikh tender diiklankan/ surat dipelawa selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PK3 Perolehan Perkhidmatan Perunding (PK 3.3 Perkara 2.1.1).

2. Syarat-syarat, arahan dan maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh didapati di **Kaunter Pejabat Aras 1, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor (PLANMalaysia Johor), Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang, 79646 Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor.**

WAKTU OPERASI JUALAN DOKUMEN TENDER:

Isnin – Khamis : 9.00 pagi hingga 1.00 petang

Jumaat : 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

Sabtu, Ahad, Cuti Am dan Cuti Umum : TUTUP

3. Dokumen Pelawaan adalah dijual dengan kadar **RM30.00** bagi setiap satu (1) set dalam bentuk **tunai atau kiriman wang pos (money order)** dan dibayar atas nama **Pengarah Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor**.
4. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" di bahagian atas sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan. Penyebut Harga hendaklah menghantar Cadangan Sebut Harga secara **SERAHAN TANGAN** dengan memasukkan dokumen tersebut ke dalam Peti Pelawaan Sebut Harga Terbuka di alamat berikut:

Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor
(PLANMalaysia Johor)
Aras 1 & 2, Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang,
79646 Kota Iskandar, Iskandar Puteri,
Johor Darul Ta'zim

5. **Cadangan Tender yang dikemukakan hendaklah tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada 24 Ogos 2026 (Isnin)**. Dokumen yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
6. **Taklimat Tender adalah DIWAJIBKAN** kepada penyebut Harga dan hanya **PENAMA** yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan Perolehan Kerajaan dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding MOF** sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat sebut harga tersebut. Taklimat adakan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh	: 07 Ogos 2026 (Jumaat)
Masa	: 11.30 pagi
Tempat	: Bilik Mesyuarat Utama, Aras 1, PLANMalaysia Johor

7. Borang Tender akan mula dijual selepas sesi taklimat selesai.

